



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 1 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,552 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **56,311 kes** (83.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 1 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,472 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **67,169 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,495 kes. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lima (5) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala 1,467 kes pula adalah merupakan penularan COVID-19 dalam negara.

Secara keseluruhan dalam tempoh seminggu yang lepas, negeri-negeri di seluruh Malaysia telah menunjukkan jumlah pelaporan kes harian yang lebih stabil. Sebahagian besar daripada kes-kes yang dilaporkan kebelakangan ini adalah berpunca dari tapak binaan dan kilang. Angka yang tinggi ini adalah susulan perluasan pengesanan kes secara aktif dan pengesanan kontak rapat yang dijalankan di lapangan. **Kluster Teratai** sahaja pada hari ini telah melaporkan sebanyak **778 kes (52.9 peratus)** daripada keseluruhan jumlah kes harian untuk negara dan menyumbang kepada **87.3 peratus** daripada kes harian yang dilaporkan di negeri Selangor (**891 kes**).

Sejak diumumkan pada 7 November 2020, sejumlah 6,603 individu telah disaring bagi Kluster Teratai. Daripada jumlah ini, sebanyak **5,056 kes telah dikesan positif** COVID-19 yang melibatkan 331 (6.5 peratus) warganegara dan 4,725

(93.5 peratus) kes adalah bukan warganegara. Sebanyak 1,501 individu dikesan negatif manakala 46 individu masih menunggu keputusan. Kesemua kes-kes positif ini telah diasingkan.

Oleh itu, KKM menyambut baik pengumuman oleh YB Menteri Kanan Pertahanan bagi melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di asrama pekerja kilang berkenaan bermula dari 1 Disember 2020 sehingga 14 Disember 2020. Sehingga kini, majikan yang berkenaan telah diarahkan untuk menghentikan segala operasi dan menutup kilang secara berperingkat serta menjalankan saringan kepada semua pekerja mereka. Anggota-anggota kesihatan juga telah digerakkan sejak awal lagi ke kawasan yang terlibat bagi membantu segala aktiviti kawalan dan pencegahan.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **120 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **44 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **363 kes (0.54 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
361	33004	Sabah	Perempuan (WN)	64	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan kanser usus
362	64750	Sabah	Lelaki (WN)	51	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis dan penyakit jantung
363	53718	Sabah	Lelaki (BWN)	24	Hospital Queen Elizabeth	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 1 Disember 2020, terdapat sebanyak **364 kluster** telah dilaporkan termasuk **dua (2) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **184 kluster** termasuk **tiga (3) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Highway, Kluster Inai, dan Kluster Jalan Meru. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **180 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **33 kluster** melaporkan pertambahan kes. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Teratai (778 kes), Kluster Hentian (118 kes) dan Kluster Batu Tujuh (37 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **dua (2) kluster** baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER VIEW KOLOMBONG

Kluster ini melibatkan daerah Kota Kinabalu dan Tuaran di Sabah. Kes indeks (iaitu kes ke-65698) telah dilaporkan

positif COVID-19 pada 1 Disember 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 1 Disember 2020, sejumlah 76 individu telah disaring, di mana **40 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER TALANG-TALANG

Kluster ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di Sabah. Kes indeks (iaitu kes ke-55008) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 23 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 1 Disember 2020, sejumlah 67 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam

negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

1 Disember 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 1 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	267	29,038
SELANGOR	891 (2)	14,826
W.P. KUALA LUMPUR	26 (3)	6,232
NEGERI SEMBILAN	146	5,061
KEDAH	21	2,584
PULAU PINANG	29	2,117
PERAK	13	1,798
JOHOR	68	1,447
W.P. LABUAN	0	1,356
SARAWAK	1	1,065
PAHANG	0	403
MELAKA	0	387
KELANTAN	10	370
TERENGGANU	0	237
W.P. PUTRAJAYA	0	205
PERLIS	0	43
JUMLAH KESELURUHAN	1,472 (5)	67,169

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 1,472 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 1 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 891 kes**
 - 795 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 55 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 267 kes**
 - 55 kes daripada kluster-kluster, termasuk 33 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster View Kolombong** dan **Kluster Talang-Talang**;
 - 118 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 94 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 146 kes**
 - 144 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 68 kes**

- 41 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 18 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 29 kes**
 - 28 kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 26 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
 - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 21 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Perak: 13 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 10 kes**

- Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
-
- **Sarawak: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.